



# MOTAC 360°

EDISI 6: 1 - 15 NOVEMBER 2024



## Menjunjung Kasih

ATAS KEBERANGKATAN  
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA RAJA PERMAISURI AGONG  
RAJA ZARITH SOFIAH  
KE  
ANUGERAH SENI NEGARA 2024  
13 NOVEMBER 2024 | MADA ADILAWAL 1446H



## ANUGERAH SENI NEGARA (ASN 2024)

### MENARIK DI DALAM

ANUGERAH SENI NEGARA (ASN 2024) ..... 2

PESTA TAMU BESAR KOTA BELUD ..... 5

BICARA TOKOH SENI BUDAYA SIRI II: "TRANSFORMASI  
SENI DIGITAL" ..... 10

MESYUARAT PERSEDIAAN KEPENGERUSIAN ASEAN-MALAYSIA  
2025 BAGI TONGGAK KOMUNITI SOSIO-BUDAYA ASEAN  
..... 12

MAJLIS SAMBUTAN BULAN INTEGRITI PERINGKAT MOTAC  
TAHUN 2024 ..... 13

TEMBUAL YBHG. DATO' MOHD NOR BIN KHALID (LAT)  
..... 15





# ANUGERAH SENI NEGARA (ASN 2024)



## MALAM ANUGERAH SENI NEGARA 2024: MEMARTABATKAN WARISAN SENI BUDAYA MALAYSIA

**13 NOVEMBER 2024** - Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) mengadakan Majlis Anugerah Seni Negara (ASN) 2024 yang berlangsung dengan penuh gilang-gemilang di Hotel Majestic Kuala Lumpur.

Anugerah Seni Negara 2024 ini disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Raja Zarith Sofiah serta dihadiri oleh tokoh-tokoh seni tanah air. Sejak tahun 1993, ASN melalui MOTAC memberi penghormatan tertinggi kepada penggiat seni tempatan yang unggul dalam pelbagai cabang seni seperti muzik, tari, lakonan, kraf, dan seni visual.

ASN 2024 mengangkat YBhg. Dato' Mohd Nor Khalid (Lat) sebagai penerima Anugerah Seniman Negara atas sumbangan besarnya dalam seni visual, manakala YBhg. Dato' Sri Hajah Siti Nurhaliza menerima Anugerah Khas Biduanita Negara atas bakat dan perannya mempromosikan muzik Malaysia ke peringkat antarabangsa.

Pengiktirafan turut diberikan kepada lima pengkarya seni dan tiga organisasi utama, termasuk RTM, Yayasan Hasanah, dan The Temple of Fine Arts Malaysia, atas sokongan mereka terhadap pembangunan seni budaya negara. ASN 2024 bukan sekadar anugerah, tetapi satu platform untuk memartabatkan seni budaya Malaysia dan menghargai jasa serta ketokohan penggiat seni kita.

MOTAC berharap pengiktirafan ini menjadi inspirasi kepada generasi muda untuk terus menceburkan diri dalam memajukan seni budaya negara, mengharumkan nama Malaysia di persada dunia.







# ANUGERAH SENI NEGARA (ASN 2024)



**13 NOVEMBER 2024** - Sekitar program Anugerah Seni Negara (ASN 2024) yang telah berlangsung di Hotel Majestic, Kuala Lumpur. ASN yang dianjurkan oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) sejak 1993, bertujuan mengiktiraf kecemerlangan penggiat seni tempatan dalam pelbagai cabang seperti muzik, tari, lakon, kraf dan seni visual.

Tahun ini, ASN 2024 menampilkan empat (4) kategori utama iaitu Anugerah Seniman Negara, Anugerah Khas ASN 2024: Biduan Negara, Anugerah Karyawan Seni dan Anugerah Pendukung Seni. Penerima Anugerah Seniman Negara 2024 membawa pulang wang tunai, trofi, sijil penghargaan dan sepersalinan pakaian songket.







# ANUGERAH SENI NEGARA (ASN 2024)

## SETINGGI-TINGGI TAHNIAH DAN SYABAS DIUCAPKAN KEPADA PARA PENERIMA ANUGERAH SENI NEGARA 2024!





# PESTA TAMU BESAR KOTA BELUD

## MAJLIS PERASMIAN TAMU BESAR KOTA BELUD 2024



**2 NOVEMBER 2024** - Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Panglima (Dr) Haji Juhar bin Datuk Haji Mahiruddin bersama Yang Di-Pertua Negeri Sabah, Yang Amat Berhormat Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor, Ketua Menteri Sabah dan Yang Berhormat Khairul Firdaus Akbar Khan, Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya telah merasmikan Tamu Besar Kota Belud 2024 bertempat di Padang Pekan Kota Belud, Sabah.


Program ini merupakan salah satu inisiatif Kerajaan untuk menyemarakkan kegiatan ekonomi di negeri Sabah yang melibatkan pelbagai pihak, terutamanya industri pelancongan, seni, budaya dan warisan. Selain itu, program ini juga bertujuan untuk memperkenalkan dan memelihara seni dan budaya serta cara hidup masyarakat berbilang kaum dan etnik di Malaysia terutamanya masyarakat setempat di Negeri Sabah kepada masyarakat antarabangsa. Secara tidak langsung, program ini turut melestarikan dan mempromosikan produk, seni dan budaya serta warisan Malaysia kepada pelancong tempatan dan antarabangsa ke arah menyemarakkan Tahun Melawat Malaysia 2026.

Hadir bersama, YBrs. Encik Rosnan bin Abdul Rahman, Setiausaha Bahagian Pengurusan Acara, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) kawasan serta barisan pengurusan tertinggi MOTAC dan Kerajaan Negeri Sabah.

## CITRAWARNA KOTA BELUD - TEMASYA SENI DAN BUDAYA ETNIK



**2 NOVEMBER 2024** - Sekitar CITRAWARNA Kota Belud 'Temasya Seni dan Budaya Etnik' yang diadakan pada sebelah malam 1 November 2024 sempena Pesta Tamu Besar Kota Belud yang dibawakan khas oleh PERKASIH dengan kerjasama Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) dan Jabatan Penerangan Malaysia Negeri Sabah. Antara acara menarik yang disajikan adalah Tarian Sambut Tamu oleh SMK Tambulion, Persembahan khas SMK Narinang dan juga Persembahan pembukaan oleh Artis Tari Citrawarna Gabungan SMK Tambulion, SMK Narinang dan Mantul Dance KB! Orang ramai dijemput hadir bagi memeriahkan Pesta Tamu Besar Kota Belud 2024 yang berlangsung pada 1 hingga 3 November 2024 bermula jam 9.00 pagi hingga 10.00 malam di Padang Pekan Kota Belud.








# PESTA TAMU BESAR KOTA BELUD



TARIKH / MASA	ACARA	TEMPAT
<b>HARI PERTAMA   1 NOVEMBER 2024   JOMANT</b>		
• 8:00 pagi	Sukan Rakyat dan Tradisi Kejujutan Tarik Tali (Cempunan sempena Tamu Besar Kota Belud 2024)	Padang Pekan Kota Belud
• 8:30 pagi	• Persembahan Tumbuk Tumbuk • Pertandingan Baling Kelapa Veteran • Mabar & Ziarah Semasa Sabah • Pameran Baita Sukah • Ceramah Perkhidmatan Usahawan Baita	Arena Dewan Kameniteran Baita & Sukah Sabah Kota Belud (KBSB)
• 11:00 pagi	Pelancaran PBTPay	Pentax Utama, Padang Pekan Kota Belud
• 7:30 malam	Majlis Cempunan Kota Belud	Pentax Utama, Padang Pekan Kota Belud
<b>HARI KEDUA   2 NOVEMBER 2024   SATU</b>		
• 9:30 pagi	• Majlis Perasmian Tamu Besar Kota Belud • Persembahan Seni Silat Lintah • Persembahan Baita • Pertandingan Cempunan • Persembahan Tari Tradisional • Tembang Peringkat Kebangsaan 2024	Pentax Utama, Padang Pekan Kota Belud
• 1:00 isha	• Pertandingan Caturbangsa • Pertandingan Baita Tradisional	Padang Pekan Kota Belud
• 2:00 petang	Pertandingan Saak Menggapi	Padang Pekan Kota Belud
• 2:30 petang	• Pertandingan Guci Langan • Mabar & Ziarah Semasa Sabah • Pameran Baita Sukah	Arena Dewan Kameniteran Baita & Sukah Sabah Kota Belud (KBSB)
• 2:30 petang	Pertandingan Rumah Tradisi	Hutan Budaya Tamu Kota Belud
• 7:30 malam	Pertandingan Peragaan Pakaian Etnik Lelaki & Kanak-kanak	Padang Pekan Kota Belud
<b>HARI KETIGA   3 NOVEMBER 2024   ANAD</b>		
• 8:00 pagi	Persembahan Baita (Mabar, Ziarah, Peragaan Seni Tradisi)	Pentax Tamu Kota Belud
• 9:00 pagi	Pertandingan Halaen Kasayangan	Parkaterangan Pejabat Veterinar
• 9:00 pagi	Pertandingan Baita	Pentax Utama, Padang Pekan Kota Belud
• 9:30 pagi	• Majlis Persembahan • Pertandingan Mabar Kanak-kanak • Mabar & Ziarah Semasa Sabah • Pameran Baita Sukah • Ceramah Perkhidmatan Usahawan Baita	Arena Dewan Kameniteran Baita & Sukah Sabah Kota Belud (KBSB)
• 11:00 pagi	Pertandingan Sura Tamu Besar	Pentax Utama Padang Pekan Kota Belud
• 11:00 pagi	Pertandingan Palatan Etnik Kanak-kanak (Che Luth Sarawak)	Pentax Tamu Kota Belud
• 2:30 petang	Utuhak Tradisi Tanjung	Pentax Utama Padang Pekan Kota Belud



**1 NOVEMBER 2024** - Sekitar Pesta Tamu Besar Kota Belud 2024 yang berlangsung pada 1 November 2024 di Padang Pekan Kota Belud, Sabah. Hari pertama melibatkan Sukan Rakyat dan Tradisi Kejujutan Tarik Tali, Pelancaran PBTPay, persembahan berkuda, pameran jabatan dan agensi kerajaan, jualan produk kraftangan serta permainan tradisional. Orang ramai dijemput hadir memeriahkan Pesta Tamu Besar Kota Belud 2024 yang berlangsung pada 1 hingga 3 November 2024 bermula jam 9.00 pagi hingga 10.00 malam di Padang Pekan Kota Belud dan Majlis Perasmian pada 2 November 2024.







## MESYUARAT BERSAMA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI (LADA) DAN KETUA PENGARAH JABATAN LAUT MALAYSIA



**4 NOVEMBER 2024** - YB Dato Sri Tiong King Sing, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) dalam rangka lawatan rasminya sulungnya ke Langkawi telah menerima kunjungan hormat dari YB Dato' Mohd Salleh bin Saidin, Exco Pelancongan, Kebudayaan dan Keusahawanan Negeri Kedah. Sesi ini memberi peluang kepada kedua-dua belah pihak meneroka kerjasama untuk memajukan industri pelancongan dan kebudayaan Langkawi khususnya.



Selepas sesi kunjungan hormat, YB Menteri MOTAC meneruskan mesyuarat bersama YBhg. Dato' Haslina binti Abdullah, Ketua Pegawai Eksekutif Langkawi (LADA), YBrs. Dr. Nor Fuad bin Abdul Hamid, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan Malaysia dan YBrs. Tn. Haji Abd Majid Bin Haji Rais, Pengarah Jabatan Laut Wilayah Utara, Jabatan Laut Malaysia. Mesyuarat ini telah membincangkan cabaran yang merencatkan pertumbuhan industri pelancongan di Langkawi, khususnya berkaitan pembangunan infrastruktur produk pelancongan dan kemudahsampaian ke Langkawi serta perkara-perkara berkaitan keselamatan pelancong.

Perbincangan juga menekankan usaha meneroka pelaburan baharu yang dapat menyumbang kepada peningkatan ekonomi Langkawi, di samping memperkukuh kedudukannya sebagai destinasi pelancongan terkemuka.

Turut hadir, YBrs. Dr. Yasmeen binti Yasim , Timbalan Ketua Setiausaha (Pelancongan), YBhg. Dato' Mohd Yusri bin Mohd Yusoff, Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan), YBhg. Dato' Shahrudin bin Abu Sohot, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), YBhg. Datuk Manoharan Periasamy, Ketua Pengarah Tourism Malaysia dan wakil-wakil Kementerian yang terlibat.

## COURTESY CALL FROM THE AMBASSADOR OF THE PHILIPPINES TO MALAYSIA

**14 NOVEMBER 2024** - YBhg. Datuk Wira Roslan Tan Sri Abdul Rahman, Secretary-General of the Ministry of Tourism, Arts and Culture Malaysia (MOTAC), welcomed Her Excellency Maria Angela Abrera Ponce, the Ambassador of the Philippines to Malaysia, for a courtesy call at the MOTAC Putrajaya. The discussions centred on strengthening bilateral relations in tourism and culture, with Malaysia preparing for the 2025 ASEAN Chairmanship and launching Visit Malaysia Year 2026.

Also in attendance were YBrs. Dr. Yasmeen Yasim, Deputy Secretary-General (Tourism), YBrs. Dr. Christina Yeo Ken Yin, Undersecretary of International Relations Division (Culture), YBrs. Mr. Mohd Roslan Abdullah, Director of International Promotion Division (Southeast Asia) of Tourism Malaysia and senior officers from MOTAC and Tourism Malaysia.





### SESI LIBAT URUS BERSAMA PENGGIAT INDUSTRI PELANCONGAN DI LANGKAWI



**4 NOVEMBER 2024** - Sesi Libat Urus Bersama Penggiat Industri Pelancongan Di Langkawi yang berlangsung pada 4 November 2024 di Hotel Aloft Langkawi, Kedah. Sesi libat urus ini merupakan platform penting bagi memperkukuh hubungan serta memahami secara lebih mendalam cabaran dan peluang dalam industri pelancongan Langkawi. Sesi ini melibatkan pelbagai pemain utama industri seperti pengusaha pelancongan, pemandu pelancong, pemilik hotel dan homestay, pengusaha produk pelancongan, serta wakil peniaga pasar malam, retailers dan restoran.

Antara perkara yang dibincangkan adalah berkaitan keselamatan dan penyelenggaraan produk pelancongan, pelancongan cruise, perkhidmatan feri ke Langkawi, pelesenan bot dan bas pelancong, keceriaan di tempat-tempat tumpuan serta keperluan lampu jalan dan polis pelancong bagi meningkatkan keselamatan pelancong. Sesi libat urus ini juga membuka laluan kepada strategi yang menyeluruh untuk merencanakan ekonomi Langkawi dengan pendekatan yang inklusif, berdaya tahan, dan lestari.

Dengan input dan sokongan daripada semua pihak yang terlibat, Langkawi berpotensi untuk terus berkembang sebagai destinasi pelancongan utama yang unik dan kompetitif, sekaligus menyumbang kepada ekonomi Malaysia secara keseluruhan.

### PROGRAM BITARA INTAN: BICARAWARA PEMIMPIN MUDA "TEROKA IMPIAN, REALISASI KEJAYAAN"



**12 NOVEMBER 2024** -YB Khairul Firdaus Akbar Khan, Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya telah hadir merasmikan Program Bitara Intan: Bicarawara Pemimpin Muda "Teroka Impian, Realisasi Kejayaan" di Dewan Serbaguna Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Bukit Kiara.

Program ini diadakan bertujuan meningkatkan dan menyemarakkan motivasi para belia agar lebih berani ke hadapan menggalas tanggungjawab sebagai pemimpin berwibawa dan berkaliber. YB Timbalan dalam ucapannya berkata, sinergi, persefahaman, kemakmuran dan keharmonian memainkan peranan penting dalam ekosistem pentadbiran negara demi memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat dan negara.

Selain itu, program berbentuk pengisian forum yang menampilkan barisan panel terkenal membincangkan bagaimana cabaran masa kini boleh dijadikan peluang untuk kemajuan diri belia dalam bidang yang ingin diceburi.

Turut hadir, YBhg. Datuk Dr. Mohd Zabri bin Yussof, Pengarah INTAN, YBrs. Tuan Shakib bin Ahmad Shakir, Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik dan Pengurusan) Kementerian Digital dan pegawai-pegawai kanan MOTAC dan INTAN.





## MAJLIS PELANCARAN RETAIL SOLUTION EXPO (RESONEX) 2024



**7 NOVEMBER 2024** - Tuan Khairul Firdaus Akbar Khan, Timbalan Menteri Pelancongan, Seni Dan Budaya telah menghadiri Majlis Pelancaran RESONEX 2024 di Pusat Pameran Pavilion, Bukit Jalil. YB Timbalan Menteri turut menyampaikan ucapan perasmian.

RESONEX 2024 diadakan pada 7 hingga 9 November 2024. RESONEX adalah ekspo perdagangan yang menghimpunkan peruncit, penyedia teknologi dan perkhidmatan, pakar industri, dan inovator yang berfungsi sebagai pusat untuk meneroka kemajuan terkini dalam runcit, menawarkan peluang kepada para peserta untuk menerokai produk, perkhidmatan dan idea baharu yang boleh memajukan perniagaan mereka.

Turut hadir bersama pada majlis tersebut adalah YBhg. Datuk Manoharan Periasamy, Ketua Pengarah Tourism Malaysia.

## LAWATAN RASMI YB MENTERI MOTAC KE TERMINAL KAPAL PERSIARAN LANGKAWI (LCT), LANGKAWI



**5 NOVEMBER 2024** - YB Dato' Sri Tiong King Sing, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC), telah mengadakan lawatan rasmi ke Terminal Kapal Persiaran Langkawi (LCT), destinasi pelancongan yang menyumbang kepada ekonomi pelancongan Malaysia, khususnya di Langkawi. YB Menteri turut mengambil peluang bertemu dengan pihak pengurusan Langkawi Cruise Terminal (LCT) untuk membincangkan usaha-usaha meningkatkan daya saing terminal ini sebagai pintu masuk utama ke Malaysia Utara dan menarik pelancong antarabangsa.

Lawatan rasmi ini mencerminkan komitmen MOTAC untuk memperkukuh sektor pelancongan dan memastikan Langkawi kekal sebagai destinasi pelancongan bertaraf dunia, memberikan impak ekonomi positif kepada negara serta mempromosikan keunikan Malaysia kepada pelancong antarabangsa.







## SESI LIBAT URUS BERSAMA PENGGIAT INDUSTRI PELANCONGAN DI LANGKAWI



**5 NOVEMBER 2024** - Sesi libat urus bersama penggiat industri pelancongan diadakan di Resorts World Langkawi dengan penyertaan meluas daripada pelbagai pihak berkepentingan dalam sektor pelancongan tempatan. Sesi ini melibatkan pengusaha / persatuan teksi dan kereta sewa, pengusaha kapal persiaran, pengusaha kapal layar serta pengendali terminal yang memainkan peranan penting dalam memastikan kelancaran dan daya tarikan Langkawi sebagai destinasi pelancongan pilihan. Fokus utama perbincangan adalah untuk mendapatkan maklum balas mengenai pelbagai cabaran yang dihadapi penggiat industri ini, termasuk isu-isu berkaitan produk bebas cukai yang berpotensi untuk menarik lebih ramai pelancong.

Perbincangan juga turut merangkumi usaha-usaha untuk mempertingkatkan promosi aktiviti pelancongan dan acara bertaraf antarabangsa yang dianjurkan oleh penggiat pelancongan di Langkawi. Turut hadir, wakil-wakil Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Laut Malaysia, Jabatan Kastam Di Raja Malaysia serta pegawai-pegawai kanan MOTAC dan wakil Kerajaan Negeri Kedah.

## BICARA TOKOH SENI BUDAYA SIRI II: “TRANSFORMASI SENI DIGITAL”



**5 NOVEMBER 2024** - YB Tuan Khairul Firdaus Akbar Khan, Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya telah menghadiri program Bicara Tokoh Seni Budaya Siri II yang bertajuk “Transformasi Seni Digital” yang telah diadakan di Panggung Eksperimen, Universiti Malaya (UM). YB Timbalan Menteri turut menyampaikan cenderamata kepada panel-panel jemputan dan pihak penaja pada program ini. Program ini merupakan sebuah program bicarawara mengenai kejayaan, pengalaman, perkongsian ilmu dan kepakaran ikon serta pemain industri dalam bidang seni persembahan.

Menariknya pada program kali ini menampilkan barisan panel jemputan artis popular dan terkenal tanah air iaitu Dato' Sri Siti Nurhaliza Tarudin (Ikon Industri Seni, penyanyi dan usahawan), Ts. Mohamad Yusman Ammeran (Naib Presiden TM Unifi Business) dan Dr. Mohd Effindi Samsuddin (Pensyarah Jabatan Sosial Budaya dan Kesenian Melayu, Universiti Malaya) serta moderator, Saudari Margaret Gambang (Pengacara dan Personaliti TV).







## SESI TERAKHIR LIBAT URUS DI HOTEL ALOFT LANGKAWI BERSAMA PENGGIAT INDUSTRI PELANCONGAN LANGKAWI



**5 NOVEMBER 2024** - Sesi libat urus terakhir ini menutup sesi perbincangan bersama industri pelancongan di Langkawi melibatkan pengusaha kereta sewa di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi. Input daripada sesi ini membantu MOTAC merangka strategi memperkukuh Langkawi sebagai destinasi pelancongan bertaraf dunia.

## MAJLIS PERASMIAN INISIATIF DIPLOMASI BUDAYA FASA KETIGA BAGI MEMPERKASAKAN AKTIVITI SENI, BUDAYA DAN WARISAN



**13 NOVEMBER 2024** - YBhg. Dato' Mohd Yusri bin Mohd Yusoff, Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan) Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) telah menyempurnakan Majlis Perasmian Inisiatif Diplomasi Budaya Fasa Ketiga bagi memperkasakan aktiviti seni, budaya dan warisan negara selaras dengan hala tuju Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) 2021 di Rumah Insaniah Tun Dr. Siti Hasmah, Petaling Jaya. Inisiatif Diplomasi Budaya kali ini memfokuskan pemerkasaan golongan Orang Kurang Upaya (OKU) dan belia dalam industri seni, budaya dan warisan termasuk kraftangan di Malaysia.

Inisiatif ini memberi sokongan kepada golongan OKU dan belia agar lebih berdaya saing dalam pasaran terbuka industri seni, budaya dan warisan. Melalui usaha ini juga, golongan OKU dan belia berupaya untuk berdikari dan memainkan peranan dalam memelihara seni, budaya dan warisan serta menyumbang kepada pembangunan negara. Usaha ini turut dapat memupuk kreativiti dan inovasi dalam menghasilkan produk seni dan kraftangan, sekali gus memastikan warisan budaya terus diwarisi oleh generasi seterusnya.

Majlis pada hari tersebut turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Dr. Mahmood Merican, Presiden Persatuan Pemulihan Orang-Orang Cacat Selangor dan Wilayah Persekutuan (PPOCW) dan wakil-wakil daripada agensi Kerajaan serta persatuan termasuk PPOCW, Perusahaan Nak Seni dan Persatuan SukaSeni Kuala Lumpur. Majlis turut dimeriahkan dengan persembahan istimewa oleh Kumpulan Zimi'J yang terdiri daripada golongan OKU.







### KSN MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT PERSEDIAAN KEPENGERUSIAN ASEAN-MALAYSIA 2025 BAGI TONGGAK KOMUNITI SOSIO-BUDAYA ASEAN

**8 NOVEMBER 2024** - Mesyuarat Persediaan Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025 yang dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar, Ketua Setiausaha Negara telah diadakan pada 7 November 2024 di Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC). Turut hadir ialah YBhg. Dato' Mohd Yusri bin Mohd Yusoff, Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan) MOTAC dan YBrs. Dr. Yasmeen binti Yasim, Timbalan Ketua Setiausaha (Pelancongan) MOTAC.

Mesyuarat tersebut telah membincangkan persediaan MOTAC bagi Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025 selaku peneraju tonggak Komuniti Sosio-Budaya ASEAN (ASCC). Terdapat 15 Badan Sektoral di bawah ASCC yang mencakupi aspek kebudayaan, pengurusan bencana, pendidikan, alam sekitar, perubahan iklim, kesihatan, penerangan, buruh, pembangunan luar bandar dan pembasmian kemiskinan, belia, sukan, wanita, kebajikan dan pembangunan sosial serta perkhidmatan awam. Badan Sektoral ini diterajui oleh 12 Kementerian dan Agensi Kerajaan.

Mesyuarat juga telah membincangkan persiapan ASEAN Tourism Forum 2025 (ATF 2025) yang akan berlangsung pada Januari 2025. MOTAC komited untuk memastikan kejayaan pelaksanaan Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025 bersandarkan prinsip MADANI, dengan memfokuskan keterangkuman dan kemampunan yang mencerminkan visi ASEAN untuk manfaat semua negara anggota.



**MOTAC komited untuk memastikan kejayaan pelaksanaan Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025 bersandarkan prinsip MADANI, dengan memfokuskan keterangkuman dan kemampunan yang mencerminkan visi ASEAN untuk manfaat semua negara anggota.**





## MAJLIS SAMBUTAN BULAN INTEGRITI PERINGKAT MOTAC TAHUN 2024

**14 NOVEMBER 2024** - YBhg. Datuk Wira Roslan Tan Sri Abdul Rahman, Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) telah hadir merasmikan Majlis Sambutan Bulan Integriti Peringkat MOTAC Tahun 2024 yang bertemakan "Integriti Teras Keunggulan Sektor Pelancongan, Seni dan Budaya" di Lambang Sari, Istana Budaya.

Sambutan ini mencerminkan kesungguhan dan komitmen semua warga MOTAC untuk memperkukuh budaya integriti di MOTAC. YBhg. Datuk Wira KSU dalam ucapannya berkata, beliau menyeru warga MOTAC supaya bukan hanya berilmu, berpengetahuan dan berkemahiran tetapi juga memiliki pemahaman mendalam tentang peraturan, prosedur, undang-undang serta kemahiran praktikal untuk melaksanakan tugas dengan berkesan dan efisien bagi memmanifestasikan agenda Malaysia MADANI demi pembangunan negara selaras dengan nilai MALAYSIA iaitu Mesra, Adil, Luhur, Amanah, Yakin, Setia, Islah dan Arif.

Turut hadir, YBhg. Dato' Shahrudin bin Abu Sohot, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), YBhg. Datuk 'Ainu Sham binti Haji Ramli, Ketua Pengarah Kraftangan Malaysia, YBrs. Encik Mohamad Muda bin Bahadin, Ketua Pengarah Jabatan Warisan Negara, YBrs. Encik Rosnan bin Nordin, Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara dan pegawai-pegawai kanan MOTAC serta agensi di bawah MOTAC.



MAJLIS SAMBUTAN  
**BULAN INTEGRITI 2024** PERINGKAT MOTAC  
*Teguh Integriti · Kukuh Pertiwi*

Dipentadbarkan oleh  
YBhg. Datuk Wira Roslan Tan Sri Abdul Rahman  
Ketua Setiausaha MOTAC

TARIKH: 14 November 2024 (Khamis) | WAKTU: 2.00 - 4.00 petang | TEMPAT: Lambang Sari, Istana Budaya

MALAYSIA MADANI | unit integriti MOTAC | Giat360







### MAJLIS PERASMIAN FESTIVAL ASEAN 2024



**14 NOVEMBER 2024** - Festival ASEAN 2024 Edisi Kedua telah dilancarkan pada hari ini dan akan berlangsung selama empat hari dari 14 hingga 17 November 2024 (Ahad) di Nilai, Negeri Sembilan yang menyasarkan seramai 30,000 orang pengunjung tempatan dan pelancong asing.

Pelbagai aktiviti dan promosi kebudayaan serantau akan diadakan termasuk sajian makanan dan minuman, pameran seni dan kraf, pertandingan mewarna keluarga, sukaneka, konsert artis popular dan persembahan kebudayaan dari negara-negara ASEAN. Bersempena festival anjuran bersama GenYouth Sdn. Bhd., ASEAN Hub dan Royal Fiesta tersebut, ASEAN Records telah dilancarkan.



Seramai 20 orang belia telah dianugerahi "Youth Achievement Records" atas pengiktirafan bakat dan pencapaian masing-masing dalam pelbagai bidang yang diperakui oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS). Hadir mewakili YB Khairul Firdaus Akbar Khan, Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya untuk menyempurnakan majlis perasmian yang diadakan Gembox, Nilai ialah YBrs. Dr. Christina Yeo, Setiausaha Bahagian Hubungan Antarabangsa Kebudayaan, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC).

Turut hadir Y.M. Tengku Dato' Dr Hishammudin Zaizi bin Y.A.M. Bendahara Azman Shah Alhaj, YBrs. Dr Mohamad Maliki Mohamed Rapiee, Pengarah International Youth Centre KBS, Duta-duta dan wakil-wakil kedutaan ASEAN di Malaysia.

**PESTA TEATER KUALA LUMPUR 2024**

ANJURAN **JKKN** 21 HINGGA 2 Okt Nov 2024 **MASUK PERCUMA SEMUA DI JEMPUT HADIR**

<b>CK 50305</b> KUMPULAN Layar Majalah Production PENGARAH Endra Wirawan ISININ 21 OKTOBER	<b>SELAJA</b> KUMPULAN Miah Theatre PENGARAH Fetic Alaudin SELASA 22 OKTOBER
<b>BADAI DI AWAL BAHAGIA</b> KUMPULAN Angkutan Kinetikam Sarawajogit PENGARAH Iwan Hamsain Maklami @ Dara RABU 23 OKTOBER	<b>KHAMIS</b> KUMPULAN Gumar Production PENGARAH Ridwan Rahman KHAMIS 24 OKTOBER
<b>PATRIOT</b> KUMPULAN Perutusan Bangsawan Bintang Timur PENGARAH Zanatul Shukhaida Abdul Rahman JUMAAT 25 OKTOBER	<b>SABTU</b> KUMPULAN Pengumpulan Team Teater Itham Seni (TITS) PENGARAH Shafiqul Tahir SABTU 26 OKTOBER
<b>WARGA S</b> KUMPULAN Acahah Studio PENGARAH Fathah Farizy AHAD 27 OKTOBER	<b>ISININ</b> KUMPULAN Teater Aspirasi PENGARAH Anuar Hashim ISININ 28 OKTOBER
<b>JAJAHAN CHOW KIT ROAD</b> KUMPULAN Aitautu PENGARAH Mohd Fahim Ridzwan SELASA 29 OKTOBER	<b>RABU</b> KUMPULAN Persembahan Anjal PENGARAH Selim A. Farid RABU 30 OKTOBER
<b>FORUM</b> MASA 03.30PM JUMAAT 01 NOVEMBER	<b>SABTU</b> MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH MASA 04.30PM SABTU 02 NOVEMBER

Panggung di Kuala Lumpur: 08.00PM | Persembahan bermula: 08.30PM  
PANGGUNG BANDARAYA KUALA LUMPUR  
Sila imbas QR untuk pendaftaran kehadiran

**FESTIVAL KRAF BORNEO SARAWAK**  
BORNEO CRAFT FESTIVAL 2024

**25-03**  
OKT. NOV.  
OCTOBER NOVEMBER  
KUCHING WATERFRONT SARAWAK

Logos of KRAF, MYCRAFT, KARYANEKA, and MASARA.

SEMUA DIJEMPUT HADIR / ALL ARE INVITED






### TEMBUAL YBHG. DATO' MOHD NOR BIN KHALID (LAT)



**15 NOVEMBER 2024** - Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) kembali mengiktiraf kecemerlangan penggiat seni tempatan menerusi penganjuran Anugerah Seni Negara (ASN 2024). ASN 2024 merupakan penghargaan paling berprestij dalam industri seni tanah air yang mula diperkenalkan pada 1993 dan kali terakhir diadakan sekitar 15 tahun lalu. **YBhg. Datuk Mohd. Nor Khalid atau dikenali sebagai Lat telah diiktiraf sebagai Seniman Negara atas sumbangan besarnya dalam seni kartun dan komik.** Lat turut membawa pulang hadiah wang tunai RM60,000, trofi, sijil dan sepersalinan pakaian songket menyifatkan pengiktirafan itu sebagai penghormatan amat bermakna dalam perjalanan seninya yang bermula sejak 1960-an. Menurut Lat, beliau melukis komik sudah hampir 60 tahun dan pencetus ilham lukisannya adalah rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan lapisan usia. Cerita-cerita masyarakat, isu semasa menjadi antara bahan dalam lukisan komik Lat.

## PENYATAAN DASAR KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

“MEMACU SEKTOR PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN YANG BERDAYA SAING DAN LESTARI DEMI PEMBANGUNAN SOSIO-EKONOMI NEGARA”



KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA,  
NO. 2, MENARA 1, JALAN P5/6,  
PRESINT 5, 62200 PUTRAJAYA

f @ X d mymotac | www.motac.gov.my

